

Sektor pembuatan: PM tidak setuju tindakan negara maju

BF/ 6 MAY 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan tindakan setengah-setengah negara maju yang sering menjadikan negara-negara Dunia Ketiga takut untuk menerokai bidang industri pembuatan.

Perdana Menteri berkata mereka berbuat demikian mungkin kerana takut pada suatu masa nanti negara-negara berkenaan akan menjadi saingan mereka.

Sebagai contoh, beliau berkata ketika Malaysia mula-mula hendak mengeluarkan kereta sendiri — Proton Saga — pakar-pakar negara maju menasihatkan Malaysia jangan menceburi industri itu kerana mungkin tidak mendapat pasaran.

"Mereka berkata kepada kita, jika tidak dapat menjual 100,000

unit setahun, industri pembuatan itu akan rugi. Perkara yang sama diberitahu kepada kita beberapa tahun dahulu tetapi jumlahnya mesti 50,000 unit setahun," tegasnya.

Memenuhi

Datuk Seri Dr Mahathir, yang memengerusikan perbincangan 'Kerjasama Selatan-Selatan: Satu Tinjauan' di Persidangan Selatan-Selatan di sini petang ini, menegaskan jika nasihat itu diikuti, Malaysia tidak mungkin dapat memenuhi cita-citanya.

Perbincangan itu yang dihadiri oleh kira-kira 100 peserta membincangkan kertes kerja Setiausaha Agung Komanwel, Sir Shridath S Ramphal, bertajuk 'Untuk Negara Selatan, Waktu Un-

tuk Berfikir.'

Mengenai barangan utama, Perdana Menteri berkata Malaysia yang pada suatu ketika dulu diharapkan menjadi negara maju kerana mempunyai banyak barangan utama, terjejas begitu teruk berikutan kejatuhan bahan itu.

"Kita mempelbagaikan pengeluaran barangan utama tetapi dengan kejatuhan harga semua bahan itu, pemulihan ekonomi Malaysia mungkin mengambil masa yang agak panjang," katanya.

Menyentuh kerjasama dua-hala antara negara membangun, beliau berkata harapan ke arah itu cerah tetapi memerlukan semangat yang tinggi untuk menghadapi pelbagai rintangan.

"Malaysia memulakan kerjasama dua-hala dengan negara-negara di Pasifik dan mengorak langkah ke benua Afrika dengan wujudnya kerjasama Malaysia-Mali.

Persidangan itu yang dirasmikan oleh Perdana Menteri pagi ini, akan berakhir Khamis ini.